



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PADA 27 MEI 2022**

Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera Tempatan** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	KELAS PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN (RM)	TARIKH/ MASA & TEMPAT LAWATAN TAPAK
SH/ SUKNS/ BIL.13/ 2022	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Rutin Bulanan Sistem Elektrikal Di Bangunan Wisma Negeri Dan Dewan Undangan Negeri, Seremban Bagi Tempoh 2 Tahun	Kelas : G2,G3,G4,G5,G6, G7 Kategori : ME Pengkhususan: E01,E02,E04, E11,E17,E32 Berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga Malaysia	RM 30.00 setiap satu borang	TIDAK WAJIB (Sebarang pertanyaan mengenai sebut harga ini boleh menghubungi di talian berikut 06-7659117 / 06-7602052 atau hadir ke Unit Pengurusan Bangunan Dan Aset, Pejabat SUKNS)

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai **30 Mei 2022 hingga 3 Jun 2022** pada waktu pejabat (**9.00am – 4.00pm**) di Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Kontraktor / pembekal dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** serta **Sijil Pengiktirafan Bumiputera** semasa membeli dokumen sebut harga. Dokumen yang telah lengkap diisi disertakan bersama satu salinan bagi ketiga-tiga sijil tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan**.

Tarikh tutup sebut harga iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari, 7 Jun 2022 (Selasa)**. Sebut harga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.